•OLEH: NURSABIHAH MOHTAR

AMBIL VAKSIN Elak Influenza

AH..CUM,...AH..CUM! BERSIN SI ANAK SAMBIL MENGESAT HIDUNG YANG MELELEH DENGAN TISU, DITAMBAH PULA DENGAN DEMAM YANG MASIH TIDAK KEBAH, IBU MULA RISAU DAN BERANGGAPAN ANAKNYA TELAH TERKENA VIRUS INFLUENZA.

Mungkin ada diantara kita yang beranggapan sudah dijangkiti virus influenza. Tetapi sebenarnya, ramai yang silap kerana itu adalah simptom-simptom kepada selesema biasa. Sedangkan influenza mempunyai simptomnya yang tersendiri.

"Ramai orang ingat apabila dia mendapat selesema dan demam terus anggap ianya sebagai terkena influenza. Sedangkan virus selsema dan virus influenza adalah dari virus yang berbeza.

"Dan jika seseorang itu mendapat virus influenza, keadaan diri mereka akan lebih teruk dan boleh sehingga membawa maut jika tidak diubati dengan cepat seperti yang terjadi kepada seorang wanita mengandung di Terengganu akibat Influenza A," kata Dr Mohammad Iqbal Mohammad Sarwar, Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologi Hospital Pakar KPJ Damansara.

Dr. Mohammad Iqbal

Ujarnya, mereka yang terkena virus influenza ini kebiasaanya akan mengalami demam yang tinggi (30-40 celsius), sakit otot, selsema dan demam yang berterusan sehingga tujuh hari sekiranya tidak mendapat rawatan yang awal seperti makan ubat.

Mereka juga boleh mengalami batuk yang teruk sehingga boleh mendapat radang paru-paru (pneumonia) bagi kanak-kanak.

Kata Dr. Iqbal lagi influenza juga mempunyai kesan sampingan selepas sembuh seperti saluran pernafasan

menjadi lebih sensitif dan menyebabkan mereka akan batuk-batuk.

LANGKAH PENCEGAHAN

Sememangnya rawatan bagi kanak-kanak yang telah terkena virus influenza ini ada, tetapi bagi Dr. Iqbal adalah lebih baik sekiranya ibu ayah mengambil langkah berjaga-jaga dengan memberikan suntikan vaksin influenza kepada anak-anak.

"Ya, tidak dinafikan telah ada kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital akibat daripada virus influenza. Keadaan ini sememangnya membimbangkan saya sebagai doktor kerana kebiasaannya keadaan mereka sangat lemah," katanya

Sebagai langkah pencegahan, Dr. Iqbal menyarankan agar kanak-kanak mendapatkan vaksin ini setiap tahun seawal enam bulan. Tetapi bagi kanak-kanak berusia 8 tahun ke bawah yang tidak pernah mendapat suntikan ini perlulah mengambilnya sebanyak dua dos selama dua bulan dan meneruskannya setiap tahun.

Selain itu juga, kanak-kanak yang mengalami sakit kronik seperti kanser dan diabetis lagi disarankan untuk mengambil vaksin ini kerana mereka mempunyai tahap imunisasi badan yang lagi rendah daripada kanak-kanak normal. Jadi peratusan untuk mereka terkena virus influenza adalah lebih tinggi.

Selain kanak-kanak, ibu mengandung, orang tua, pesakit kronik dan mereka yang bekerja di hospital adalah golongan paling berisiko terkena virus influenza. Justeru, golongan ini juga disaran untuk mengambil vaksin influenza.

Mengulas mengenai sikap sesetengah ibu ayah yang anti vaksin, Dr. Iqbal mengingatkan kepada mereka supaya tidak ambil ringan dan bersikap pentingkan diri sendiri kerana yang akan menanggung sakit adalah anak-anak.

Bahkan sekiranya makin ramai anak-anak yang tidak divaksin, serangan virus ini akan lebih cepat merebak dalam komuniti dan akan terkena juga pada golongan kanak-kanak yang sudah divaksin.

"Kalau ibu ayah yang tidak mahu anak mereka divaksin, dan virus ini akan terkena pada anak mereka sahaja, tidak mengapalah, tapi yang menjadi masalah apabila ianya akan meningkatkan juga risiko penyebaran kepada kanak-kanak lain yang sudah divaksin," katanya.

MENURUT portal World Health Organization (WHO), virus ini mudah tersebar terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi termasuklah sekolah dan taska. Apabila seseorang bersin atau batuk partikle udara yang mempunyai virus akan tersebar melalui udara sejauh satu meter dan menjejaskan kesihatan orang yang disekeliling.

Selain itu juga, penyebaran virus ini juga boleh melalui tangan yang tercemar dengan virus influenza. Jadi bagi mengelakkan penyebaran virus ini, anda haruslah selalu membasuh tangan dan menutup mulut dan hidung ketika bersin atau batuk.

INFLUENZA adalah penyakit bermusim yang berlaku di seluruh dunia terutamanya di kawasan beriklim sederhana. Kebiasaannya berlaku pada musim sejuk iaitu pada November hingga Mac di Hemisfera Utara dan dari April hingga September di Hemisfera Selatan. Manakala di kawasan Tropika, influenza boleh berlaku pada bila-bila masa.

Agen penyebab:

Virus influenza jenis A, B dan C; wujud dalam dua subjenis (H_1N_1 dan H_3N_2).

Virus jenis A menyebabkan influenza merebak secara epidemik (penyakit yang merebak di kalangan penduduk sesuatu kawasan pada waktu yang sama); virus jenis B menyebabkan wabak berlaku dalam satu rantau (beberapa buah negara), dan Jenis C kurang menjejaskan manusia.

Virus influenza mudah membiak dan menukar ciri antigen. Oleh itu, vaksin perlu diubah suai setiap tahun agar dapat menentang strain yang baru dengan berkesan.

Jenis dan subjenis virus influenza yang lain wujud pada haiwan dan burung. Penyebaran virus antara spesies boleh menghasilkan subjenis baru yang mampu menjangkiti manusia.

- sumber: *Portal Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia-*